

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG

TARIKH : 16.3.2016

SOALAN : NO. 49

Y.B. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) sejak bila Kerajaan mula membuat kajian untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate/UEC); dan
- (b) mengapakah sijil UEC diiktiraf oleh institusi-institusi pengajian tinggi terkemuka dunia tetapi tidak diiktiraf di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC) merupakan peperiksaan yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Sebanyak 60 buah SMPC yang wujud sehingga kini kekal dengan *status quo* apabila Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] diwartakan pada 31 Disember 1997. SMPC ini juga merupakan institusi pendidikan yang tidak dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

KPM tetap dengan pendirian untuk tidak mengiktiraf UEC berdasarkan hujah bahawa:

1. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan yang dikelolakan oleh Malaysian Independent Chinese Secondary School (MICSS) yang tidak akur kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan;
2. Piawaian dan kawalan ke atas peperiksaan UEC tidak dikawal selia oleh KPM atau mana-mana entiti atau badan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan
3. Standard kurikulum yang diguna pakai dan sukanan pelajarannya adalah tidak setaraf dengan kurikulum kebangsaan dan peperiksaan kebangsaan.

SMPC telah memilih untuk tidak akur dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, maka adalah tidak wajar pengiktirafan UEC dipertimbangkan. Pendirian KPM tidak mengiktiraf UEC adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 November 2015, bahawa:

“pada masa ini Kerajaan tidak dapat mengiktiraf UEC kerana ia tidak berasaskan kurikulum kebangsaan dan tidak menepati falsafah pendidikan negara. Ini adalah realiti yang perlu diterima kerana ia mempunyai kaitan dengan kepentingan dan kedaulatan negara.”

(b) Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum ini telah mengambil pendirian selari dengan KPM untuk tidak mengiktiraf UEC untuk tujuan kemasukan ke Universiti Awam (UA) dan akan meneruskan pendirian ini di atas sebab-sebab yang berikut:

1. UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;

2. Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan SPM;
3. Liputan sejarah negara dalam kurikulum UEC adalah tidak mencukupi; dan
4. Syarat am kelayakan masuk UA hendaklah lulus SPM dengan kepujian dalam Bahasa Melayu.

Bagi kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kelayakan UEC *Senior Middle Three* diterima sebagai syarat masuk mengikut tahap pengajian Sijil, Foundation, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Walau bagaimanapun, kelayakan ini tertakluk kepada syarat kelayakan masuk seperti yang ditetapkan dalam standard program dalam bidang berkaitan, keperluan badan profesional dan memenuhi keperluan syarat kelayakan masuk oleh pihak IPTS.